

Cabul murid sekolah rendah

Sinar Harian 15/07/2010

Lelaki 30 rekod jenayah dicekup polis

M/S 523

SUNGAI BESAR – Masih tidak serik apabila seorang lelaki yang baru dibebaskan Januari lalu selepas menjalani hukuman penjara dan sebat selama lima tahun masih giat melakukan kegiatan tidak bermoral.

Bagaimanapun, tindakan lelaki itu yang menjadikan murid sekolah sebagai mangsa cabul dicekup oleh sepasukan anggota dari Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, semalam.

Lelaki berusia 53 tahun berkenaan ditahan di perkarangan meletak motosikal Hospital Teluk Intan, Perak kira-kira 1 tengah hari semalam, hasil gerakan task force khas yang diketuai Cif Inspektor R Subramaniam.

Ketua Polis Daerah, Superintenden Noor Mushar Mohamad berkata, suspek yang berkeluarga dan mempunyai anak mempunyai lebih 30 rekod jenayah termasuk menipu, mencuri, empat kes di bawah kesalahan rogol dan 16 kes cabul.

Menurutnya, gerakan mengesan suspek dimulakan seminggu lalu selepas polis menerima laporan cabul membabitkan murid sekolah tahun empat yang berlaku di Jalan Raja Chulan, Sabak.

“Ketika kejadian, mangsa berusia 10 tahun dipercayai pulang secara bersendirian dari sekolah dengan menunggang basikal. Sus-



“Suspek bertindak secara rambang dengan menjadikan murid sekolah berusia antara tujuh hingga 12 tahun yang bersendirian sebagai mangsa. Setelah berjaya memperdaya, mangsa akan dibawa menunggang motosikal dan dibawa ke kawasan semak samun dan dicabul sebelum meninggalkan mangsa bersendirian”

■ Noor Mushar

pek yang menunggang motosikal menghampiri mangsa dan bertindak memperdaya lalu membawanya ke kawasan belukar berhampiran sebelum menanggalkan pakaiannya mangsa dan mencabul,”

katanya kepada Sinar Harian di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira 5.30 petang, 7 Julai lalu, bapa mangsa membuat laporan polis setelah anaknya ditemui dalam keadaan berkaki ayam di kawasan Batu 2 Sepintas dipercayai ditinggalkan suspek setelah dicabul.

Pada hari sama, polis turut menerima satu laporan cabul dipercayai dilakukan suspek yang sama membabitkan murid sekolah rendah di Tanjung Karang.

Noor Mushar berkata, suspek yang berasal dari Teluk Intan, Perak, diklasifikasikan sebagai pencabul bersiri berikutan rekod jenayah lampau dalam kes cabul dan turut dia juga turut dikehendaki Polis Negeri Sembilan atas kesalahan sama.

“Suspek bertindak secara rambang dengan menjadikan murid sekolah berusia antara tujuh hingga 12 tahun yang bersendirian sebagai mangsa. Setelah berjaya memperdaya mereka, mangsa akan dibawa menunggang motosikal dan dibawa ke kawasan semak berhampiran dan mencabul mereka sebelum meninggalkan mangsa bersendirian,” katanya.

Suspek akan direman hari ini dan pertuduhan akan dibuat dalam tempoh 10 hari di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara 10 tahun dan sebat.